

106 tong LPG dan lori disita, pemilik premis berdepan tindakan undang-undang

Mei 5, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



TERENGGANU, 5 Mei - Seorang pemilik premis terpaksa berputih mata selepas 106 tong Gas Petroleum Cecair, LPG dan sebuah lori miliknya disita.

Pengarah Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Terengganu, Saharuddin Mohd Kia menjelaskan suspek berusia 43 tahun yang tidak memiliki lesen itu menjalankan urusniaga di sebuah rumah di Gong Badak.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan, turut menyebut, suspek berdepan tindakan undang-undang mengikut Peraturan 21 (1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana bermiaga LPG tanpa lesen.

Dalam serbuan sepasukan anggota penguat kuasa KPDNHEP semalam, 106 tong LPG berisi padu 14 kilogram serta sebuah lori muatan 1.5 tan disita di lokasi.

Kesemua ekshibit bernilai rampasan RM20,600 dirampas dan suspek ditahan untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. Sepanjang tahun ini 15,264 pemeriksaan telah dilaksana dengan 232 kes melibatkan rampasan bernilai lebih RM97,000.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/18077-106-tong-lpg-dan-lori-disita-pemilik-premis-berdepan-tindakan-undang-undang>